

BULETIN KPKT

VOLUME 1/2012

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



TAHNIAH DATUK ARPAH



MINISTER KPIs
2011 & 2012
Mukasurat 3

GARIS PANDUAN PENUBUHAN
TADIKA DAN TASKA DILULUSKAN
Mukasurat 6

ISSN 1394-0538



9 771394 053002

Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit
Ketua Setiausaha

Ketua Editor

Jessylina Mat Lazim
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Sem. Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Jabatan Landskap Negara
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah
Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar
Bahagian Inspektorat
Bahagian Kewangan Dan Perolehan
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Korporat
Bahagian Pemberi Pinjam Wang Dan Pemegang Pajak Gadaai
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Unit Audit Dalam

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan ke:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5556
Faks : (603) 8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel : (603) 8891 5000
Faks : (603) 8891 5557
Laman web : www.kpkt.gov.my
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

Tinta Pena Ketua Setiausaha



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua, kita masih diberi kesempatan untuk menyinsingnya fajar baru tahun 2012 yang diharapkan akan membawa lebih banyak kejayaan kepada kita dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang ada.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menutup diari 2011 dengan mencatat sejarah tersendiri dengan beberapa siri kejayaan dan pencapaian. Antaranya adalah melalui kelahiran Dasar Perumahan Negara (DRN), Dasar Landskap Negara (DLN), Rancangan Fizikal Negara Ke-2, Program Bandar Selamat, Pewartaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Penandatanganan Perjanjian Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Penandatanganan Pengambilan alih Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pelancaran One Stop Center Online secara serentak di 10 PBT.

Hasilnya, pelbagai usaha yang dilakukan oleh Kementerian telah mendapat pengiktirafan dari pelbagai pihak baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Di peringkat nasional, KPKT merupakan penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi tiga (3) tahun berturut-turut mulai tahun 2008 sehingga 2010 yang dianugerahkan pada tahun 2011. KPKT juga telah menerima Anugerah Khas Prestasi Cemerlang berterusan bagi Portal dan Laman Web Kerajaan yang mendapat penarafan lima (5) bintang sejak tahun 2007. Di peringkat antarabangsa pula, KPKT telah menerima penghargaan bagi 50th EAROPH Golden Jubilee Award dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima anugerah kecemerlangan atas kejayaan Delay in Taking Out Dead Body During Operations di International Convention on QC Circles 2011 di Yokohama.

Secara peribadi, saya berpuas hati atas pencapaian KPKT keseluruhannya pada tahun 2011. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala khidmat dan sumbangan yang telah diberikan oleh semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Sesungguhnya, saya percaya dengan segala kepakaran, potensi dan kemudahan yang ada, kita masih mempunyai ruang yang luas untuk terus meningkatkan lagi pencapaian ke tahap yang lebih tinggi di masa hadapan.

Walaupun pelbagai catatan yang membanggakan dilakarkan sepanjang tahun 2011, namun masih banyak perkara yang perlu kita teruskan dan laksanakan pada tahun 2012. Saya berdoa agar tahun 2012 memberikan kita kesiapsiagaan yang padu untuk berhadapan dengan landskap dan persekitaran nasional mahupun antarabangsa yang telah berubah dengan begitu ketara sekali yang membawa bersamanya banyak cabaran yang lebih besar dan kompleks. Justeru itu, saya menyeru semua penjawat KPKT untuk menanam iltizam yang lebih jitu untuk menjadi penggerak berkesan, melalui pendekatan strategik dan halatuju yang lebih fokus dan jelas. Saya yakin kita mampu mereliasasikan aspirasi ini melalui perubahan sikap, transformasi minda dan peningkatan komitmen semua penjawat KPKT bagi menghasilkan peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan secara berterusan.

SELAMAT MAJU JAYA

Datuk Seri Ahmad Haji Kabit

Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YB MINISTER KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI'S) 2011 & 2012

HIGHLIGHTS

HIGHLIGHTS 2011

METHOD 1
113%

METHOD 2
87%

METHOD 3
79%

- 1 Reduce squatter areas in urban areas and offer housing opportunities to the lower income category via rental or ownership of homes in urban areas

Rental	Home Ownership
TARGET 62,392	TARGET 3,030
ACTUAL 52,936	ACTUAL 2,921



- 2 Revive licensed abandoned private residential projects

Before	After
TARGET 30 projects	ACTUAL 32 projects
	which have benefitted 3,082 buyers with 4,931 houses

- 3 Reducing % of approval for Extension of Time (EOT) for Projek Perumahan Rakyat (PPR)

TARGET	ACTUAL
50%	25%

HIGHLIGHTS 2012


- 1 Roll-out of Separation at Source Scheme (Household Wastes) in KL through distribution of bins to landed property.

TARGET
254,220
premises (100%)



- 2 Reduce squatter areas in urban areas and offer housing opportunities to the lower income category via rental or ownership of homes in urban areas

Rental	Home Ownership
TARGET 64,728	TARGET 3,376



- 3 Revive licensed abandoned private residential projects

TARGET	ACTUAL
35 projects	35 projects
	which will benefit 8,399 buyers with 11,984 houses

SCORECARD 2012

KPI	Weightage	2011 Target	2012 Target	Initiatives
Assessment of qualitative criteria	10%			
NKEA: EPP 30%				
1. Revitalising the Klang River into a Heritage and Commercial District (GKL/KV EPP#5)				
1.1 Reducing Oil and Grease discharge from hawkers centers in MPAJ and MPS using Communal Grease Traps		New KPI	10mg/l	- Promote, enforce, and manage river cleanliness and health – restaurants, workshops, and other commercial outlets. - Construction of New Communal Grease Traps.
2. Developing an Efficient Solid Waste Management Ecosystem (GKL/KV EPP#9)				
2.1 Roll-out of Separation at Source Scheme (Household Wastes) in KL through distribution of bins to landed property		15%	100%	- Distribution of bins to KL households. 2+1 collection implemented in KL/Putrajaya.
2.2 Setting Up of Food Waste Treatment Plant (Composting or Anaerobic Digestion) for food waste via Private Public Partnership (PPP). Complete Tender process (including Site, Business Model and Tender Documents)		New KPI	100%	Selection of PFP/ PFI Contractor for Composting/ AD Plant.
2.3 Setting Up of Construction and Demolition Waste Facility for construction waste		New KPI	Request For Proposal (RFP) Process Completed - Submissions Received.	- Undertake Study on C&D Wastes: Complete land identification and approvals for setting up of the facility. - Completion of C&D Wastes Regulation.
MKRA/ MKPI 60%				
1. Housing Amenities for the Lower Income Category (<RM2,500) and Squatters via Rental or Ownership of Homes in Urban Area				
1.1 No. of PPR houses for rental completed with Certificate of Completion and Compliance (CCC)		1,225	2,336	- PPR Kemena, Sarawak (1,000 unit). - PPR Batu Berendam, Melaka (336 unit). - PPR Sg. Manila, Labuk (1,000 unit).
1.2 No. of PPR houses for ownership completed with Certificate of Completion and Compliance (CCC)		New KPI	346	- PPR Dimiliki K. Pahang Fasa II, Pahang (32 units) - PPR Dimiliki Kg. Pandan Luar, Pahang (144 units) - PPR Dimiliki Kg. Seri Jaya, Pahang (150 units)
1.3 Percentage of PPR houses rented		95%	96%	The target of 96% (53,780 unit) is set based on current units (56,020 units) hand over units to the State Government.
1.4 Percentage of PPR houses owned		95%	96%	The target of 96% (2,909 units) is set based on current completed 3,030 units with CCC.
1.5 Reduction of percentage for approval for Extension of Time (EOT) for Projek Perumahan Rakyat (PPR)		50%	35%	The initiative shall be limited to the ongoing PPR project and based on current year status of approving the EOT.
2. Revival of the Existing Licensed Abandoned Private Residential Projects				
2.1 Revival of licensed abandoned private residential projects by efforts of its developer or new parties		30	35	
3. Increase the Efficiency of the Service Delivery System by Local Authorities (LA)				
3.1 Percentage of planning approval processed and approved within stipulated time as stated in the client's charter		90%	91%	Implementation of OSC is done at 104 PBT in Peninsular Malaysia.
3.2 Percentage of building plans approval processed and approved within stipulated time as stated in the client's charter		89%	91%	Implementation of OSC is done at 104 PBT in Peninsular Malaysia.
4. Expediting Gazettement of Local Plans				
4.1 To complete the gazetteement of local plans in 12 states/federal territories		35	10	

EKSKLUSIF



KPKT CATAT SEJARAH TERIMA KSU WANITA PERTAMA

Tanggal 3 April 2012 menyaksikan KPKT mencatatkan sejarah tersendiri dengan pelantikan YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak sebagai Ketua Setiausaha (KSU) KPKT. YBhg. Datuk merupakan wanita yang pertama menjawat jawatan KSU di KPKT. Beliau menggantikan YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit yang menamatkan perkhidmatannya sebagai Ketua Setiausaha KPKT pada 2 April 2012 setelah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam selama 36 tahun.

YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak merupakan pemegang Ijazah Sarjana Sains Perancangan Bandar dan Wilayah dari University of Southern California, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Pengajian

Bandar dari Universiti Sains Malaysia. YBhg. Datuk memulakan perkhidmatan dengan Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomati pada 26 November 1979 dan seterusnya memegang beberapa jawatan penting dalam jabatan kerajaan. Pelantikan beliau sebagai KSU KPKT yang baharu adalah berdasarkan pengalaman luas dan prestasi cemerlang YBhg. Datuk dalam bidang pembangunan perbandaran dan kerajaan tempatan. Pengalaman dan pengetahuan YBhg. Datuk Arpah semasa bertugas di Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Perbadanan Putrajaya juga menjadi satu aset kepada kompetensi beliau. Selain itu, pengalaman sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan



dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), KPKT akan membantu beliau merancang, menyelaras dan melaksanakan agenda sosial melalui program perumahan, perancangan dan kawalan pembangunan, perkhidmatan perbandaran dan landskap serta perkhidmatan kebombaan dengan cekap dan berkesan.

Sidang pengarang Buletin KPKT mewakili semua warga KPKT ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit, mantan KSU KPKT di atas segala sumbangan bakti kepada negara selama 36 tahun perhidmatan beliau dalam perkhidmatan awam terutama sepanjang memegang jawatan KSU KPKT. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan tahniah kepada YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak di atas pelantikan beliau sebagai KSU KPKT. Semoga KPKT terus cemerlang dibawah pimpinan YBhg. Datuk.



PALUAN BERUNDUR SEMPENA PESARAAN YBHG. DATUK SERI AHMAD

Majlis serah terima tugas Ketua Setiausaha KPKT telah berlangsung pada 2 April 2012 bertempat di Dewan Kristal KPKT. Majlis penyerahan tugas secara rasmi daripada YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit kepada YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT yang baharu telah disaksikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Seri Chor Chee Heung. Majlis yang penuh bermakna ini turut dihadiri oleh YBhg. Datin Noriah Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Ketua-ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Setiausaha-setiausaha Bahagian dan penjawat KPKT.

Latar Belakang YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit

YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit dilahirkan pada 24 September 1953 di Kampung Parit Kemang, Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan anak bongsu dari tujuh (7) orang adik-beradik. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Parit Kemang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Mahmood Iskandar, beliau kemudiannya berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1976 dan Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti of Southern California, USA pada tahun 1986. Menirikan rumahtangga dengan YBhg. Datin Seri Halimah Yusof pada 27 September 1979 dan pasangan bahagia ini telah dikurniakan dengan lima orang cahaya mata.

Memulakan karier dalam Perkhidmatan Awam pada 6 Disember 1976, penempatan pertama YBhg. Datuk Seri bermula sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau kini lebih dikenali sebagai MITI. Seterusnya, beliau ditempatkan di Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selama lebih enam (6) tahun sebelum bertugas di Kementerian Penerangan. YBhg. Datuk Seri seterusnya ditempatkan semula di Bahagian

Pembangunan Organisasi, JPA selama lapan (8) tahun sebelum berpindah ke Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor pada tahun 1996. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Selangor selama empat (4) tahun sebelum ditempatkan sekali lagi di Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA pada tahun 2003 sehingga 2004. Kemudian YBhg. Datuk Seri bertukar ke Kementerian Kesihatan sebagai Setiausaha Bahagian, Bahagian Sumber Manusia dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian yang sama pada tahun 2005 sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bermula pada tahun 2009 sehingga 2 April 2012.

YBhg. Datuk Seri digambarkan sebagai seorang yang mempunyai komitmen yang tinggi dalam apa jua perkara yang dilaksanakan, tegas serta bertoleransi dan tidak meninggi diri. Banyak kejayaan yang telah dicapai oleh YBhg. Datuk Seri semasa beliau mengepalai Kementerian ini termasuklah pengiktirafan Kementerian bertaraf lima bintang serta berjaya meraih beberapa anugerah antaranya tempat pertama bagi Anugerah Laman Web Terbaik, Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan dan mendapat sijil MS ISO 9001:2008.



*Harum semerbak si bunga melur,
Jadi hiasan di taman larangan,
Sejambak pantun mesra dihulur,
Setelus ingatan mengimbu kenangan.*

*Manis Rasanya buah delima,
Masak sebiji di celah daun,
Budi tuan-puan saya terima,
Jadi kenangan bertahun-tahun.*

*Tuan putera pergi ke Kedah,
Pulang semula sebelah pagi,
Kita bertemu akhirnya berpisah,
Diizin Allah bersua lagi.*

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA DILULUSKAN DI MNKT KE-65

Mesyyarat MNKT Ke-65 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri yang diadakan pada 21 Mac 2012 telah bersetuju dengan cadangan Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA oleh KPKT. Penyediaan Garis Panduan ini adalah perlu berdasarkan kepada beberapa isu iaitu kewujudan Tadika/Taska yang tidak berdaftar, ketidakseragaman pembaharuan lesen perniagaan di antara PBT, fi bayaran permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan lesen perniagaan yang baru serta beberapa lagi isu yang telah dikenal pasti.



Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taska (GP) ini adalah secara khusus meliputi aspek perancangan tapak, pelesenan dan proses penubuhan Tadika dan Taska. Penyediaan GP ini telah mengambil kira keperluan semasa dan juga keperluan pada masa akan datang. Ini adalah termasuk dari aspek perancangan dan penubuhan Tadika dan TASKA di tempat kerja, institusi, bangunan perniagaan, bangunan berintergrasi dengan kemudahan masyarakat dan di kawasan kediaman (sekiranya perlu). GP ini akan dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui Unit Pusat Setempat (OSC).

Aspek Perancangan Tapak

Pengusaha, pemaju, PBT dan agensi teknikal hendaklah mengenal pasti atau merancang tapak/premis Tadika dan TASKA berasaskan kepada cadangan pembangunan dalam Rancangan Pemajuan, bilangan penduduk, nisbah pengasuh, lokasi dan keadaan tapak yang telah dimaktubkan di dalam GP.

Aspek pelesenan dan proses penubuhan Tadika dan TASKA

Pemohon dan pemilik yang telah mendaftar :

- Perniagaan
- Syarikat
- Menjalani kursus Pengendalian Makanan (KKM) , Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (Jabatan Kebajikan Masyarakat)
- Mendapat persetujuan awal/notis berjiran pemilik asal jiran yang bersempadan bagi premis si kediaman proses hanya mengambil masa selama 7 hari bekerja bagi penubuhan Tadika/TASKA di tapak khas yang telah didirikan bangunan dan selama 14 hari bagi Penubuhan Tadika/TASKA di tapak khas yang belum didirikan Bangunan, di kawasan Kediaman dan di bangunan Intergrasi/Tempat Kerja/Kompleks/Lot Perniagaan/Institusi.

Dari segi penyelarasan fi ianya dibahagikan mengikut kategori PBT iaitu Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Dimana jumlah keseluruhan Fi Penubuhan Tadika dan TASKA bagi PBT diselaraskan seperti berikut:

JENIS	TADIKA			TASKA		
	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Fi KM dan Pelan Bangunan	RM250.00	RM190.00	RM150.00	RM250.00	RM190.00	RM150.00
Fi Pendaftaran Tadika dan TASKA	RM150.00	RM150.00	RM150.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00
Lesen Perniagaan dan Iklan	RM130.00	RM115.00	RM105.00	RM130.00	RM115.00	RM105.00
Jumlah Keseluruhan	RM530.00	RM455.00	RM405.00	RM680.00	RM605.00	RM555.00

Selain daripada GP di atas, Mesyyarat MNKT juga telah bersetuju secara dasar dengan:

- Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- Cadangan Garis Panduan Pengenalpastian dan Pembangunan Semula Kawasan Brownfield – Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan;
- Cadangan Garis Panduan Penguatkuasaan Peraturan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah Oleh Pihak Berkuasa Tempatan – Kementerian Kesihatan Malaysia;
- Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 – Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. (Rang Undang-Undang akan dibentangkan pada Persidangan Sesi Parlimen yang akan datang.)



MAJLIS PERBANDARAN KULAI TERIMA RM1.4 JUTA UNTUK PROGRAM BANDAR SELAMAT

Majlis Perasmian Program Bandar Selamat Negeri Johor 2012 dan Lawatan Kerja Inisiatif NKRA telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, pada 6 Mac 2012 bertempat di Majlis Perbandaran Kulai, Johor.

Program Bandar Selamat merupakan program yang diwujudkan pada tahun 2004 atas arahan kabinet untuk mewujudkan bandar dan pekan yang selamat melibatkan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), NGO's dan lain-lain di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, KPKT sebagai agensi pelaksana bagi Program Bandar Selamat. Kejayaan program ini boleh dilihat menerusi penurunan indeks jenayah sebanyak 11 peratus yang direkodkan pada tahun lalu membolehkan Malaysia diiktiraf oleh Indeks Keamanan Global 2011 sebagai antara negara paling aman dan selamat di Asia Tenggara serta

berada pada tempat ke-19 daripada 153 negara. Pencapaian itu adalah hasil tindakan proaktif polis dan agensi berkaitan menangani jenayah hingga berhasil mencatatkan penurunan melebihi sasaran lima peratus.

Negeri Johor merupakan negeri yang mendapat peruntukan yang besar dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan jenayah dengan peruntukan sebanyak RM 26.1 juta dari tahun 2010 hingga 2012. Peruntukan tersebut meliputi lampu jalan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, pemasangan cermin keselamatan, CCTV, penggera keselamatan dan pemetaan sistem maklumat geografi (GIS). Di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah: Program Bandar Selamat bagi Majlis Perbandaran Kulai, peruntukan yang diperolehi bagi tahun 2011 hingga 2012 ialah sebanyak RM1.4 juta bagi pembiayaan 5 projek seperti rel penghadang, tempat letak motosikal



Bandar Selamat

berkunci, cermin keselamatan, CCTV dan lampu jalan.

Di majlis perasmian tersebut, YAB Timbalan Perdana Menteri telah menyampaikan Sijil Skim Rondaan Sukarela (SRS) kepada wakil-wakil persatuan dan Rukun Tetangga. Turut hadir di majlis perasmian ini ialah Menteri Dalam Negeri YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein selaku menteri pengiring, Menteri Besar Johor YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Datuk Seri Panglima Haji Lajim Haji Ukin, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa YBhg. Dato' Mohd. Fadzil Haji Mohd. Khir, pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil-wakil persatuan dan Rukun Tetangga.

PROGRAM BANDAR SELAMAT DI SELURUH NEGARA DITERUSKAN LAGI DENGAN PERUNTUKAN RM110 JUTA DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

Lawatan YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) pada 17 Mac 2012 adalah bertujuan memantau kemajuan pelaksanaan Pelan Tindakan Bandar Selamat TTDI. Projek perintis ini menerapkan elemen Reka Bentuk Bandar Selamat atau Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED) yang disyorkan oleh Jemaah Menteri pada 8 Jun 2011. Projek CPTED TTDI ini telahpun dirasmikan pada 17 Oktober 2011 lalu. Inisiatif pencegahan jenayah di TTDI disasarkan memenuhi target penurunan keseluruhan indeks jenayah sebanyak 50% daripada indeks jenayah bulan April 2011 (34 kes) pada akhir Jun 2012 dan semua tindakan CPTED yang dicadangkan dapat disiapkan pada akhir 2011. Dalam lawatan ini juga YB Dato' Seri Chor Chee Heung mengumumkan bahawa Program Bandar Selamat di seluruh negara diteruskan lagi dengan peruntukan RM110 juta daripada Kerajaan Persekutuan

Pencapaian CPTED di TTDI sehingga Mac 2012 adalah seperti berikut:

- 150 tiang lampu jalan sedia ada telah dinaik taraf antara 150 watt sehingga 250 watt;
- 1 lampu limpah telah dipasang di Padang Rahim Kajai;
- 2.1 km laluan pejalan kaki telah diasingkan dari laluan bermotor dengan rel pengadang;
- 180m pagar perimeter dipasang di sempadan TTDI dengan Sungai Penchala termasuk tambahan penyediaan kerb jalan;
- 2 rondaan trafik dibina di kawasan Jalan Burhanuddin Helmi dan 1 di Jalan Leong Yew Koh;
- Penutupan 2 akses keluar masuk di Jalan Burhanuddin Helmi dengan 43 unit tonggak jalan;
- Pemasangan 8 cermin keselamatan untuk meningkatkan tahap penglihatan di kawasan blind spot di sekitar bank, lorong belakang dan lorong sisi serta 3 papan tanda talian kecemasan tajaan pemaju Naza TTDI Sdn. Bhd.;
- 2 buah CCTV sedia ada telah beroperasi semula dan dipantau oleh IPD Sri Petaling;
- Sistem Pemantauan Bandar Selamat atau pemetaan GIS jenayah telah dibangunkan bagi Balai Polis TTDI dan mula beroperasi sejak 1 Januari 2012;
- Rondaan Bersama PDRM/ RELA / JPAM / SRS – High Visibility dengan menggunakan MPV, motosikal, 4-in-1 patrolling, kuda, balai polis bergerak dan high profile policing bermula sejak 14 Disember 2011;
- Penubuhan Skim Rukun Tetangga.

Setakat ini, semua tindakan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas pencegahan jenayah telah dilaksanakan mengikut jadual oleh DBKL, Pemaju Naza TTDI Sdn. Bhd. dan PDRM. Penubuhan Rukun Tetangga di Zon Abang Haji Openg adalah satu titik permulaan yang baik di mana RAKYAT telah mengiktiraf bahawa usaha memerangi jenayah bukan hanya terletak di atas bahu PDRM dan agensi kerajaan semata-mata. Namun begitu, penglibatan penduduk TTDI masih kurang memberangsangkan dan usaha ini perlu dipergiatkan lagi.





10 PBT UNGGULI SSR-PBT 2010/2011 DAN PENYERAHAN GERAN TAHUNAN DAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR NEGERI SARAWAK

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan keputusan Star Rating PBT di majlis Makan Malam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) Tahun 2012 pada 26 Mac 2012.

JPPBT ini diadakan setiap tahun oleh KPKT dengan kerjasama Negeri tuan rumah. Mesyuarat ini melibatkan Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Pengerusi PBT seluruh negara serta wakil Kerajaan Negeri dan agensi pusat yang berkaitan. KPKT telah melaksanakan Sistem Star Rating PBT (SSR-PBT) bermula pada tahun 2008 melalui 352 indikator penilaian yang dibangunkan berdasarkan 4 bidang utama iaitu pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti dan pandangan penduduk (penglibatan Komuniti dan pandangan Penduduk – Borang Soal Selidik).

Proses penggredan SSR-PBT 2010/2011 dilaksanakan bermula pada 28 September 2010 sehingga 21 Oktober 2010 melibatkan 25 PBT Semenanjung Malaysia. Seterusnya proses penggredan diteruskan ke atas baki 73 PBT di Semenanjung Malaysia pada 11 Januari 2011 sehingga 23 Jun 2011. Proses penggredan SSR-PBT 2010/2011 telah menggunakan 354 indikator baru yang disemak semula oleh KPKT dan dipersetujui dalam Mesyuarat MNKT Ke-63 pada 2 September 2010.

Hasil penggredan SSR-PBT 2010/2011, jumlah PBT mengikut taraf bintang yang berjaya diperolehi adalah seperti berikut:

TARAF	DEWAN/MAJLIS BANDARAYA	MAJLIS PERBANDARAN	MAJLIS DAERAH	JUMLAH
5 Bintang	-	-	-	-
4 Bintang	6	15	-	21
3 Bintang	2	16	31	49
2 Bintang	-	2	24	26
1 Bintang	-	-	2	2
JUMLAH				98

Sebanyak 51 PBT (52.0%) telah berjaya meningkatkan taraf bintang, 44 PBT (44.9%) mengekalkan taraf bintang sedia ada dan tiga (3) PBT (3.1%) memperoleh taraf bintang yang lebih rendah berbanding pencapaian tahun 2008/2009. Jumlah PBT yang memperoleh taraf 1 Bintang telah menurun sebanyak 86.7%, iaitu daripada 15 PBT kepada hanya 2 PBT. Jumlah PBT yang memperoleh taraf 2 Bintang juga telah menurun sebanyak 40.9%, iaitu

daripada 44 PBT kepada hanya 26 PBT. Peratusan PBT yang memperoleh taraf 3 Bintang telah meningkatkan sebanyak 88.5%, iaitu daripada 26 PBT kepada 49 PBT manakala bagi taraf 4 Bintang, peratusan PBT juga telah meningkatkan sebanyak 61.5%, iaitu daripada 13 PBT kepada 21 PBT.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri juga telah menyampaikan Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) kepada PBT Negeri Sarawak. SMK merupakan pemberian Kerajaan Persekutuan bagi menggantikan cukai ke atas harta atau bangunan Kerajaan Persekutuan yang berada di kawasan PBT. Pada tahun 2012 sebanyak RM8,358,653 telah diperuntukkan bagi tujuan pembayaran SMK kepada PBT di Sarawak. Geran Tahunan pula merupakan salah satu pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bertujuan untuk membantu urus tadbir PBT. Bagi tahun 2012, Kementerian Kewangan telah meluluskan RM28,298,990 bagi bayaran PBT di Sarawak.

BIL.	PBT	GERAN TAHUNAN (RM)	SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (RM)
1.	DB Kuching Utara	1,775,777.00	1,439,803.00
2.	MB Kuching Selatan	1,886,040.00	2,190,069.00
3.	MB Miri	2,032,509.00	772,607.00
4.	MP Sibu	2,011,541.00	629,159.00
5.	MP Padawan	2,314,251.00	870,430.00
6.	MD Bau	716,486.00	83,960.00
7.	MD Lundu	534,137.00	62,146.00
8.	MD Samarahan	1,013,951.00	190,714.00
9.	MD Simunjan	647,214.00	24,658.00
10.	MD Serian	1,171,849.00	108,617.00
11.	MD Sri Aman	949,770.00	176,953.00
12.	MD Lubok Antu	445,509.00	34,897.00
13.	MD Betong	912,078.00	104,937.00
14.	MD Saratok	712,411.00	80,511.00
15.	MD Luar Bandar Sibu	936,527.00	196,361.00
16.	MD Kanowit	520,894.00	54,318.00
17.	MD Dalat Dan Mukah	998,982.00	151,477.00
18.	MD Matu Dan Daro	499,509.00	38,469.00
19.	MD Marudi	1,081,184.00	84,081.00
20.	MD Subis	766,403.00	21,257.00
21.	MD Limbang	687,962.00	275,800.00
22.	MD Lawas	611,559.00	47,542.00
23.	MD Sarikei	895,779.00	135,571.00
24.	MD Maradong dan Julau	612,578.00	76,798.00
25.	MD Kapit	1,418,377.00	142,621.00
26.	Lembaga Kemajuan Bintulu	2,145,713.00	364,897.00
JUMLAH		28,298,990.00	8,358,653.00



PBT PERAK TERIMA RM 24.5 JUTA UNTUK LAKSANA 124 PROJEK DAN MEDAN SELERA DATARAN LENGGONG BERNILAI RM 1.75 JUTA SIAP DIBINA

Pada 26 Mac 2012, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan telah menyerahkan Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) bagi tahun 2012 di semua PBT Negeri Perak sebanyak RM 24.5 juta bagi tujuan pelaksanaan 124 projek kepada semua PBT di Negeri Perak. Pada tahun 2011, KPKT telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM 63.11 juta bagi melaksanakan 703 projek di 15 kawasan PBT Perak. Pembinaan 703 projek ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM58.93 juta atau 93.37% dari peruntukkan telah dibelanjakan sehingga tarikh 31 Disember 2011.

Penyaluran peruntukan 2011 digunakan untuk pembinaan projek berikut:

- i. RM50 juta bagi melaksanakan 443 projek-projek kecil di kawasan PBT dan Kampung Tradisional yang merangkumi 323 Projek infrastruktur seperti membina dan menaiktaraf jalan, longkang dan tempat letak kereta awam, 99 Projek Kemudahan Awam seperti membina dewan orang ramai, pondok menunggu bas, tandas awam dan 21 Projek Sosio-ekonomi seperti projek membina dan menaiktaraf pasar awam, gerai dan tapak pasar pagi.
- ii. RM13.11 juta bagi melaksanakan 260 Program Kemajuan Perkampungan seperti projek menaiktaraf jalan, longkang, dewan dan gelanggang sukan.



PBT adalah barisan hadapan Kerajaan bagi membantu mencapai dasar dan program yang telah direncanakan di peringkat tempatan. Contohnya salah satu 6 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ialah untuk mewujudkan penduduk yang berpendapatan tinggi. PBT dilihat sebagai salah sebuah agensi yang dapat membantu merealisasikan inisiatif tersebut melalui pembinaan projek-projek sosioekonomi seperti pembinaan pasar awam dan medan selera. Program Turun Padang ke Majlis Daerah Lenggong ini juga adalah program turun padang ke Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama oleh Y.B. Menteri KPKT pada tahun ini.

Pada majlis yang sama, YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan Medan Selera Dataran Lenggong. Medan Selera ini dibina dengan kos berjumlah RM 1.75 juta. Kos ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan Projek Kecil dalam Kawasan PBT (BP1).

Medan Selera Lenggong ini berupaya menempatkan semula enam (6) peniaga sedia ada yang sebelum ini berniaga di sekitar tapak ini termasuk tambahan 4 unit medan selera bagi peniaga baru. Kemudahan yang dibangunkan ini juga menyediakan ruang untuk pelbagai aktiviti lain bagi penduduk setempat dan pengunjung.

Turut hadir di majlis ini ialah YB Dato' Mah Hang Soon (Exco Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan dan Hal Ehwal Bukan Islam), YB Dato' Shamsul Anuar Haji Nasarah (Ahli Parlimen Lenggong), YBhg.Dato' Abdul Puhat Mat Nayan (Setiausaha Kerajaan Negeri Perak), YBhg.Datuk Seri Ahmad Haji Kabit (Ketua Setiausaha KPKT), YBhg.Dato' Halimi Abd Manaf (Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan), Tuan Faizal Nizam Md Nor, (YDP Majlis Daerah Lenggong) dan Pegawai-Pegawai Kanan KPKT.

PERSIDANGAN MEJA BULAT PELAKSANAAN DASAR INOVASI KPKT

Persidangan Meja Bulat Pelaksanaan Dasar Inovasi KPKT telah diadakan pada 16 hingga 18 Februari 2012 bertempat di Hotel Quality, Shah Alam. Seramai 34 peserta terdiri dari wakil-wakil Bahagian/Jabatan di bawah KPKT telah menyertai persidangan ini. Peserta yang hadir adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Gred 27 hingga Gred 52 dari pelbagai Jabatan/Bahagian KPKT. Persidangan ini yang dianjurkan oleh Bahagian Korporat KPKT bertujuan untuk:

- i. memperincikan Pelan Tindakan Inovasi ke dalam program/aktiviti yang boleh dilaksanakan bagi mencapai objektif yang dihasratkan dalam Dasar Inovasi KPKT, berdasarkan 6 Strategi Dasar Inovasi KPKT;
- ii. menetapkan jadual dan tempoh pelaksanaan mengikut program/aktiviti dan tanggungjawab serta kos yang terlibat; dan
- iii. mendapatkan idea dan pandangan inovatif pegawai-pegawai dari pelbagai Jabatan/Bahagian awah KPKT yang boleh ditafsirkan dalam pelan tindakan.

Penceramah dan moderator adalah dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu Encik Azman Mohd Yusof, Timbalan Pengarah eKL dan Encik Zaimy Shaari, Ketua Penolong Pengarah Kanan eKL. Pelan Tindakan Inovasi dibincang dan diperincikan oleh peserta dalam kerja kumpulan masing-masing dengan bimbingan moderator tersebut.

Perbincangan program/aktiviti adalah berdasarkan kepada 6 strategi Dasar Inovasi KPKT iaitu:

- i. Strategi 1: "Memupuk Kesedaran Tentang Pembudayaan Inovasi Di Kalangan Penjawat KPKT"
- ii. Strategi 2: "Membudayakan Pembangunan Inovasi Di Kalangan Penjawat KPKT Melalui Proses Pembelajaran dan Latihan"
- iii. Strategi 3: "Penggalakan Pengumpulan Inovasi Di kalangan Penjawat KPKT Serta Pelanggan"
- iv. Strategi 4: "Memberi Pengiktirafan Sewajarnya Kepada Penjawat KPKT Yang Memberikan Idea Inovatif dan Kreatif Serta Dapat Dilaksanakan"
- v. Strategi 5: "Promosi Mengenai Inovasi-inovasi Yang Telah Dihasilkan Dan Dicapai Untuk Dijadikan Amalan Baik Di Organisasi Yang Lain"
- vi. Strategi 6: "Membina Semangat Kerja Berpasukan (Team Building)".

Persidangan Meja Bulat Dasar Inovasi KPKT ini telah memberi peluang kepada para peserta mengemukakan pelan pelaksanaan program/aktiviti berdasarkan senario masa hadapan untuk pelaksanaan sama ada secara quick win, jangka sederhana atau jangka panjang. Pelaksanaan Persidangan ini dapat membudayakan inovasi dan kreativiti warga KPKT secara terancang dan konsisten. Persidangan ini dapat menghasilkan program/aktiviti yang merangkumi:

- i. Program Kesedaran Pembudayaan Inovasi di kalangan penjawat KPKT seperti mengadakan bengkel, kursus, seminar, pertandingan rekacipta secara berterusan;
- ii. Pelaksanaan perkongsian ilmu melalui pewujudan Kelab Buku, program perkongsian ilmu dengan agensi luar KPKT, book review daripada peringkat pengurusan tertinggi, pengurusan dan professional dan kumpulan pelaksana serta penyertaan bagi program-program inovasi anjuran MAMPU, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia;

- iii. Program Pengkomersilan Harta Intelek dan Inovasi KPKT yang melibatkan kursus dicadangkan bagi memudahkan kerja-kerja paten serta bengkel tatacara merangka kontrak pengkomersilan di antara Kerajaan dengan syarikat pemasaran;
- iv. Pewujudan Jawatankuasa Penyelaras Portal MyIdeas untuk mendapatkan maklum balas mengenai idea-idea yang dikemukakan oleh rakyat dan mengeluarkan pekeliling untuk menjadikan aktiviti pengumpulan cadangan sebagai agenda tetap dalam mesyuarat Jabatan/Bahagian;
- v. Semakan secara berterusan terhadap akta, prosedur dan proses kerja atau garis panduan untuk dikemaskini serta dijadikan sebagai inovasi;
- vi. Program Perekayasaan Proses dan Prosedur untuk memastikan setiap proses kerja adalah mengikut keadaan dan situasi masa kini;
- vii. Program Penghargaan Penghasilan Inovasi seperti pemberian merit tambahan untuk diambil kira semasa penilaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, dan peluang untuk pembangunan kerjaya termasuk peluang naik pangkat, kursus, hadiah awatan sambil belajar dalam dan luar negara dan pencalonan untuk penerimaan anugerah di peringkat lebih tinggi;
- viii. Program Kerjasama Dengan Agensi Pengurusan Hak Harta Intelek bagi menyelaraskan produk-produk inovasi sebelum permohonan untuk mempatenkan hasil inovasi, mempromosi dan memasarkan hasil inovasi;
- ix. Program promosi inovasi sebagai amalan baik di organisasi yang lain seperti penambahbaikan MYPORTAL IDEAS yang sedia ada, Sudut Inovasi KPKT (3 sudut – lobi KPKT, dan 2 pintu utama), hebahan pemenang inovasi melalui e-mel, laman web, bahan penerbitan seperti Buletin, Laporan Tahunan dan paparan melalui Poster / LED Display / Digital Display dan menyertai pameran agensi lain (seperti :MAMPU, MOSTI, JOM HEBOH); dan
- x. Program kerja berpasukan melalui mencungkil idea baru dan unik, mewujudkan imej korporat yang sesuai bagi melahirkan rasa kekitaan di kalangan warga KPKT dan mengadakan program gotong-royong dan hari keluarga. Amalan 5S dapat dipergiatkan untuk kelayakan peringkat kebangsaan dan aktiviti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi kelayakan di peringkat Sektor Awam, Sektor Swasta, Kebangsaan dan Antarabangsa.



78 PEMBELI PROJEK PERUMAHAN TAMAN MAWAR, KULAI MENARIK NAFAS LEGA

Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Taman Mawar, Kulai, Johor telah diadakan pada 20 Februari 2012 yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis penyerahan kunci ini yang dianjurkan oleh Jabatan Perumahan Negara, KPKT sebagai tanda komitmen serta keprihatinan Kerajaan dan pihak pemaju pelikuidasi dalam usaha pemulihan projek perumahan yang telah terbengkalai selama beberapa tahun. Dengan pelaksanaan usaha ini, Kerajaan mengharapkan agar semua pembeli terlibat akan dapat menikmati kehidupan yang lebih baik serta selesa di masa hadapan.

Projek Taman Mawar yang sepatutnya siap pada 31 Mei 2002 telah diisytiharkan terbengkalai sekian lama sejak 31 Disember 2004 yang melibatkan 82 unit rumah dengan 78 pembeli. Projek perumahan ini telah diambil alih dan dipulihkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Syah Zas Builders Sdn Bhd yang dilantik sebagai pemaju dan kontraktor penyelamat. Hasil kerjasama padu daripada kesemua pihak berkaitan, projek ini berjaya disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 7 Disember 2011.



PROJEK TAMAN CAHAYA KOTA PUTRI BERJAYA DIPULIHKAN SETELAH HAMPIR 10 TAHUN TERBENGKALAI

Pada tarikh yang sama iaitu 20 Februari 2012, YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Taman Cahaya Kota Putri, Plentong, Johor.

Projek Taman Cahaya Kota Putri yang sepatutnya siap pada 2003 telah melibatkan 334 unit rumah dengan 281 pembeli. Walau bagaimanapun, projek ini telah terbengkalai untuk jangka masa lebih kurang 10 tahun iaitu diisytiharkan terbengkalai sejak 31 Disember 2005 dan keadaan ini telah membawa keperitan kepada para pembeli dan pihak yang berkaitan.

Projek perumahan ini telah diambil alih dan dipulihkan oleh Lean Oh & Associates dan Mahabuilders Sdn Bhd yang dilantik sebagai pemaju dan kontraktor penyelamat. Hasil kerjasama padu daripada kesemua pihak berkaitan, projek ini berjaya disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 4 Januari 2012.

Aktiviti



PEMBELI TAMAN KERISI DAN TAMAN BUKIT ARA TERIMA KUNCI AWAL TAHUN 2012

Tanggal 5 Januari 2012, satu Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Swasta Terbengkalai bagi Taman Kerisi dan Taman Bukit Ara, Negeri Sembilan yang dianjurkan oleh Jabatan Perumahan Negara, KPKT telah diadakan dengan jayanya. Majlis tersebut dirasmikan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di tapak projek Taman Kerisi, Mukim Rasah, Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

Projek Taman Kerisi telah diisytiharkan terbengkalai sejak 31 Disember 2005 yang melibatkan 124 unit rumah dengan 111 pembeli ini telah diambil alih dan dipulihkan oleh Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. Dengan usaha dan kerjasama padu daripada semua pihak, projek ini yang terbengkalai selama enam (6) tahun akhirnya dapat dipulihkan dan disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 13 Disember 2011 dalam tempoh 6 bulan.

Manakala bagi projek Taman Bukit Ara pula telah diisytiharkan terbengkalai sejak 31 Disember 2003 yang melibatkan 72 unit rumah dengan 66 pembeli. Projek ini telah diambil alih dan dipulihkan oleh Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd. Paling menggembirakan lagi, kontrak pembinaan bagi Taman Bukit Ara sebenarnya adalah dalam tempoh 12 bulan, namun dengan komitmen yang tinggi oleh pihak

pemaju penyelamat, projek tersebut berjaya disiapkan 6 bulan lebih awal dari tarikh sepatutnya sehingga disiapkan dengan memperolehi Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 23 Disember 2011. Inisiatif untuk memulihkan projek ini adalah bukti kukuh keperhatian dan komitmen Kerajaan, khususnya KPKT. Walau bagaimanapun, tanpa kerjasama dari semua pihak berkepentingan, usaha pemulihan ini tidak mungkin dapat direalisasikan. Inisiatif ini memerlukan penggembengan tenaga dan kerjasama semua agensi yang berkaitan, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan usaha pemulihan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, dan seterusnya menjaga kepentingan para pembeli.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Majlis Penyerahan Kunci Pemulihan Projek Taman Kerisi dan Taman Bukit Ara, Negeri Sembilan.

Lawatan Kerja YB Menteri dan Delegasi KPKT ke Jepun dan Hong Kong



YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan delegasi KPKT telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Jepun dan Hong Kong dari 4 hingga 10 Mac 2012. Delegasi KPKT terdiri daripada YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim (Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia), YBhg. Datuk Haji Zaini Md Nor (Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam), YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya (Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara) dan Encik Gurdev Singh (Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Jabatan Perumahan Negara). Delegasi KPKT turut disertai oleh tiga (3) syarikat konsesi yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn. Bhd, Ketua Pegawai Eksekutif Environment Idaman Sdn. Bhd. dan Ketua Pegawai Operasi SWM Environment Sdn. Bhd.

Lawatan kerja ini merangkumi sesi kunjungan hormat, perbincangan dua hala dan lawatan ke agensi-agensi kerajaan termasuk pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam sektor perumahan, pengurusan sisa pepejal serta kebombaian dan penyelamatan. Lawatan ini turut diiringi oleh Duta Besar Malaysia ke Jepun dan Konsul Jeneral Malaysia di Hong Kong.

Berikut ialah senarai program dan agensi yang dilawati oleh Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan delegasi di Jepun:

- i. Kunjungan hormat terhadap TYT Ken Okuda, Timbalan Menteri Perumahan Jepun;
- ii. Kunjungan hormat terhadap TYT Goshi Hosono, Menteri Alam Sekitar Jepun;
- iii. Perjumpaan Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan pelajar Malaysia di Tokyo, Jepun;
- iv. Sesi taklimat di Urban Renaissance Agency;
- v. Lawatan ke Harumi Island Triton Square;
- vi. Sesi taklimat di Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism Jepun;
- vii. Sesi taklimat oleh TOKYO 23 dan Koto City Sanitation Office;
- viii. Lawatan ke Environmental Learning Information Museum (Ecokuru-Koto), satu muzium pembelajaran interaktif bagi memupuk kesedaran mengenai alam sekitar kepada generasi muda;
- ix. Lawatan ke Ecology Mira Koto, pusat kitar semula polysterene terpakai;
- x. Lawatan ke kompleks perumahan awam di Minami-suna bagi melihat proses kutipan sisa pepejal;
- xi. Lawatan ke Chuo Incineration Plant, Chuo;
- xii. Lawatan ke Tokyo Fire Department; dan
- xiii. Sesi taklimat di Fire and Disaster Management Agency, Jepun.

Berikut ialah senarai program dan agensi yang dilawati oleh Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan delegasi di Hong Kong:

- i. Kunjungan hormat ke atas TYT Eva Cheng, Setiausaha Pengangkutan dan Perumahan Hong Kong;
- ii. Sesi taklimat di Hong Kong Environmental Protection Department;
- iii. Sesi taklimat dan lawatan ke Jordan Valley Park, tapak landfill yang telah ditutup selama 20 tahun dan sekarang dibangunkan sebagai kawasan rekreasi;
- iv. Sesi taklimat di Tsim Sha Tsui Fire Station Complex, Hong Kong berserta demonstrasi penyelamatan dalam Road Traffic Accident; dan
- v. Sesi taklimat dan lawatan ke Command and Control Centre, Hong Kong Fire Services Department.


Lawatan kerja rasmi Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini telah membuahkan hasil yang baik dalam meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Jepun serta Malaysia dan Hong Kong. Diharapkan amalan terbaik yang dipelajari di Jepun dan Hong Kong dapat diadaptasikan di Malaysia mengikut kesesuaian pada masa hadapan.

Lawatan

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI PELAJAR DAN PENSYARAH DARI UNIVERSITAS ISLAM NEGERI (UIN) ALAUDDIN, MAKASSAR, REPUBLIK INDONESIA

Tarikh : 12 Mac 2012
Tempat : Bilik Mesyuarat Berlian

Delegasi yang diketuai oleh En. Jamaluddin Jahid, Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Universitas Islam Negeri (UIN) Alauddin. Taklimat yang bertajuk "An Overview of Planning Guidelines and research Programmes For Spatial and Landuse" telah disampaikan oleh YBhg. Datin Hajah Nooraini Haji Ismail dan YBrs. Dr. Azmizam Abdul Rashid. Tujuan lawatan sambil belajar dari delegasi ini adalah untuk mendapatkan mempelajari dari Malaysia mengenai garis panduan dan piawaian perancangan pemajuan dan rancangan pemajuan yang dijalankan di negara ini.



KUNJUNGAN HORMAT TYT DUTA DENMARK KE MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Tarikh : 19 Mac 2012
Tempat : Bilik YB Menteri

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah sekali lagi menerima kunjungan dari wakil luar negara. Kali ini kunjungan tersebut telah diadakan oleh TYT Svend Waever, Duta Denmark ke Malaysia. Beliau telah melakukan kunjungan hormat tersebut atas tujuan untuk merapatkan hubungan dua hala di antara KPKT Malaysia dan pihak Kedutaan. Objektif kunjungan hormat ini juga adalah untuk membincangkan kemungkinan kerjasama di antara Denmark dan Malaysia di dalam pengurusan sisa pepejal terutamanya di dalam penggunaan Incinerator.



LAWATAN KERJA DELEGASI LOCAL AUTHORITIES TRANSFER FUND ADVISORY COMMITTEE REPUBLIK KENYA KE KPKT

Tarikh : 29 Februari 2012
Tempat : Jabatan Perumahan Negara

Delegasi dari Local Authorities Transfer Fund Advisory Committee Republik Kenya seramai enam (6) orang telah melakukan lawatan kerja ke KPKT. Tujuan lawatan ini adalah untuk mendalami mengenai bidang kuasa antara kerajaan pusat dengan pihak berkuasa tempatan serta penentuan bidang kuasa tersebut dan pemantauan (check and balance) di peringkat berkuasa tempatan dan bagaimana proses ini menyokong kecekapan penggunaan sumber.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MENTERI PEMBANGUNAN NASIONAL REPUBLIK SINGAPURA KE ATAS YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Tarikh : 6 Januari 2012
Tempat : Bilik YB Menteri

YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menerima satu kunjungan hormat dari TYT Khaw Boon Wan, Menteri Pembangunan Nasional Republik Singapura. Objektif utama kunjungan hormat tersebut adalah untuk membincangkan isu-isu hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura berkaitan perumahan dan perancangan bandar. Selain dari itu, kunjungan hormat ini juga bertujuan untuk merapatkan hubungan dua hala di antara kedua-dua kementerian.

UNIVERSAL PERIODIC REVIEW (UPR) OLEH UNITED NATIONS HUMAN RIGHTS COUNCIL

oleh Nurul Aini Ramly



Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 3 April 2006 telah memutuskan supaya satu mekanisme semakan hak asasi manusia diwujudkan, melibatkan kesemua 192 buah negara yang bernaung di bawah PBB. Sehubungan itu, PBB telah memberi mandat kepada Majlis Hak Asasi Manusia (*Human Rights Council* atau HRC) yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland, untuk mengendalikan proses semakan ke atas obligasi dan komitmen hak asasi manusia setiap negara bermula dari bulan April 2008. Proses ini dikenali sebagai Universal Periodic Review (UPR). UPR merupakan proses semakan berterusan, di mana setiap negara akan melaluinya setiap empat tahun sekali. Pusingan Pertama

UPR bermula dari 2008 hingga 2011. Dan Pusingan Kedua sedang berlangsung bermula tahun 2012 hingga 2016.

Proses ini melibatkan dialog secara interaktif dan konstruktif antara negara yang disemak dengan ahli-ahli HRC. Malaysia tidak terkecuali dari proses ini dan telah diminta untuk membentangkan Laporan Negara berkenaan obligasi dan komitmen hak asasi manusia, untuk pertama kalinya, pada bulan Februari 2009.

Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Tan Sri Rastam Mohd Isa, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan KPKT diwakili oleh YBhg. Datuk Yeo Heng Hau (mantan Timbalan Ketua Setiausaha KPKT) dan YBhg. Datin Fatmah Illadad Khan (mantan Setiausaha Bahagian Korporat KPKT).

48 buah negara akan disemak pelaksanaan obligasi dan komitmen hak asasi manusia mereka setiap tahun melalui tiga sesi berbeza. Dalam setiap sesi, sejumlah 16 buah negara akan membentangkan laporan masing-masing.

HRC telah menetapkan agar laporan yang disediakan hendaklah merangkumi semua aspek hak asasi manusia seperti sistem perundangan, program, masalah-masalah yang sedang dan mungkin dihadapi serta kejayaan yang telah dicapai dalam memastikan bahawa hak asasi manusia dilindungi. Proses penyediaan Laporan

Negara bagi Malaysia mengambil kira pendapat dan pandangan semua agensi Kerajaan, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam isu hak asasi manusia. KPKT terlibat dalam isu hak asasi manusia bagi sektor perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dalam Laporan Negara ini.

Laporan tersebut akan diserahkan kepada HRC oleh Wisma Putra, selepas diluluskan oleh Jemaah Menteri, enam minggu sebelum tarikh pembentangan Malaysia bagi tujuan penterjemahan. Bagi setiap pembentangan, setiap negara akan dibantu oleh troikas ataupun sekumpulan tiga buah negara yang dilantik oleh HRC, selaku *rappoteur*.

Bagi pembentangan Malaysia pada tahun 2009, troikas bagi Malaysia ialah Nicaragua, Qatar dan Mesir. Malaysia telah terpilih menjadi troika bagi Lubnan (2010), Nauru dan Saint Vincent and Grenadines pada tahun 2011. Pada pembentangan Malaysia pada tahun 2009, Malaysia telah menerima sejumlah 103 cadangan (*recommendations*) dari pelbagai negara termasuk dua cadangan berkaitan sektor perumahan dari UAE dan Bahrain. Jadual pembentangan Malaysia bagi Pusingan Kedua UPR masih lagi belum diketahui buat masa ini. Unit Hal Ehwal Antarabangsa dengan bekerjasama dengan Wisma Putra dalam menyediakan Laporan Negara bagi Malaysia untuk Pusingan Kedua UPR ini.

KAJIAN PENYELESAIAN SISA MAKANAN ISI RUMAH (SISA ORGANIK) MELALUI PENGAPLIKASIAN PENGKOMPOSAN

Satu kajian mengenai penyelesaian sisa makanan isi rumah (sisa organik) melalui pengaplikasian pengkomposan telah dijalankan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi memastikan pengurusan sisa pepejal di Malaysia lebih efisien. Kajian ini memfokuskan kepada pengurusan sisa organik melalui kaedah pengkomposan. Pengkomposan adalah salah satu alternatif perawatan sisa pepejal khususnya sisa organik. Ianya merupakan proses penguraian dan penstabilan bahan-bahan organik secara biologi di bawah keadaan yang terkawal bagi menghasilkan produk akhir iaitu kompos yang menyerupai tanah dan mengandungi bahan-bahan yang menyuburkan dan berfaedah kepada tanah.

Objektif utama kajian ini adalah mencari alternatif atau kaedah pengkomposan yang lebih mudah, cepat dan mesra pengguna dan secara tidak langsung mengurangkan pembuangan sisa organik di tapak pelupusan serta penggunaan semula sisa tersebut secara efektif. Selain itu, ia memberi pendedahan terhadap teknologi yang mesra alam selaras dengan objektif keempat Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara iaitu pemilihan teknologi yang telah terbukti, mampu bayar dari segi capex & opex serta mesra alam.

Terdapat tiga (3) kaedah pengkomposan yang telah Perbadanan dilaksanakan iaitu :

- i. *Fermented Composting*
- ii. *Vermikompos*
- iii. *Takakura Home Method : Compost Chang*

Kaedah fermented composting ini menggunakan Effective Microorganism (EM). Konsep teknologi EM ini telah diperkenalkan oleh Professor Teruo Higa dari Universiti Ryukyus Okinawa Jepun. EM ini mengandungi pelbagai kultur hidup mikroorganisma yang bermanfaat yang akan mengawal pembiakan mikroorganisma berbahaya. Spesis mikroorganisma utama yang terkandung di dalam EM ini adalah dari spesis bakteria asid laktik, yis, bakteria fototrofik dan actinomycetes yang mana spesis ini adalah selamat terhadap manusia, haiwan, tumbuhan dan alam sekitar.

Penyelidikan telah membuktikan bahawa teknologi EM ini berfungsi untuk mengawal bau busuk sisa pepejal yang disebabkan oleh tindak balas dari aktiviti mikroorganisma tidak berfaedah dan persekitaran. Teknologi EM ini juga boleh diaplikasikan pada kaedah pengkomposan serta ianya dapat meningkatkan produktiviti mikroorganisma tanah untuk menyuburkan tanah dan tanaman.

Vermikompos adalah baja kompos yang terbentuk hasil dari pemeliharaan cacing di dalam bekas kompos khas. Vermikompos mengandungi najis cacing yang bercampur dengan bahan-bahan organik yang mereput seperti jerami padi, rumput dan lain-lain sisa bahan tanaman dan makanan. Vermikompos mengandungi pelbagai unsur nutrien yang sangat sesuai untuk tanaman. Ia juga mengandungi mikroorganisma yang dapat membantu menguraikan sebatian kompleks kepada unsur yang boleh diambil oleh tanaman.

Kaedah pengkomposan ini hanya sesuai untuk sisa sayuran dan buah-buahan. Proses kompos akan menjadi lebih baik jika menggunakan sisa sayur mentah. Terdapat pelbagai spesis cacing yang boleh digunakan untuk pengkomposan ini. Untuk tujuan kajian ini, cacing daripada spesis *Eudrilus eugeniae* (**African nightcrawler**) telah digunakan. Cacing spesis ini biasa bertelur sekitar 30 hari sekali setelah dewasa dan dengan panjang antara 15 hingga 30 cm. Usia produktifnya adalah dari 4 hingga 24 bulan.

Kajian Vermikompos dilaksanakan dengan menggunakan tong *wormhouse*. Tong *wormhouse* ini mempunyai 3 tingkat setiap unit. Kajian dimulakan dengan meletakkan cacing "*African Night Crawler*" sebanyak 700 gram di dalam *wormhouse*. Pemantauan berkala dilakukan dengan memantau kelembapan tanah, kadar pH tanah, sistem pengudaraan, dan keadaan persekitaran dalam memastikan proses kompos menggunakan cacing ini mencapai sasaran.

Perbadanan turut mengambil inisiatif dengan menggalakkan penyertaan masyarakat di dalam menyertai aktiviti pengkomposan dan salah satunya adalah *Takakura Home Method*. **Takakura Home Method : Compost Chang** ini dicetuskan bagi mencari penyelesaian sisa makanan isi rumah yang sangat mudah dan mesra pengguna. Kaedah ini masih lagi menggunakan pengkomposan Takakura dan hanya bekas kompos direkabaru supaya cara pelaksanaannya menghasilkan satu kaedah yang mudah, cepat dan senang supaya masyarakat awam berminat untuk



EM disukat sebelum dicampurkan dalam air

Dedak dan sebatian EM digaulkan sehingga sekata

Proses kompos

Hasil kompos

melakukan aktiviti kompos. Kaedah pengkomposan ini diinovasi dari segi bekas kompos dengan hanya menggunakan peralatan yang mudah didapati dan ringkas.

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah melaksanakan projek komuniti bersama penduduk Kampung Paya Rumput Jaya di Sungai Udang Melaka. Projek ini telah dilaksanakan bersama-sama 30 penduduk sukarela dan berminat untuk melakukan pengkomposan ini. Kaedah ini didapati berpotensi untuk menyelesaikan sisa makanan bagi isi rumah skala kecil. Perancangan yang seterusnya adalah memastikan penggunaan *compost chang* di kalangan komuniti atau individu dapat dipertingkatkan pada masa hadapan.



BANDAR BIOMAS YANG PERTAMA DI MALAYSIA

Projek Bandar Biomass Serdang adalah projek yang berkonsepkan teknologi hijau yang pertamanya bakal dilancarkan di Malaysia. Bandar Biomass digambarkan sebagai sebuah bandar atau kawasan perbandaran yang memiliki sepenuhnya amalan pengurusan sisa bersepadu. Tumpuan utama bagi penukaran bahan buangan di Bandar Biomass Serdang menggabungkan penghasilan biogas, biokompos dan biodiesel.

Projek di kawasan seluas 30.4 hektar membabitkan 15,000 penduduk di sekitar Taman Sri Serdang dan Pekan Sri Serdang merupakan projek kerjasama KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan turut mendapat sokongan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun (MAFF). Tempoh tiga tahun disasarkan bagi melaksanakan projek ini yang sudah berjaya dilaksanakan di Jepun.

Demi melihat perkembangan sihat pengurangan pembuangan sisa pepejal secara terbuka di Jepun, diharapkan agar projek ini juga berjaya dilaksanakan di Malaysia. Selain itu, projek ini juga dapat melupuskan tapak pembuangan sisa pepejal daripada terus beroperasi. Hal ini adalah kerana, sebanyak 178 tapak pelupusan beroperasi di Malaysia dan daripada jumlah itu hanya lapan (8) saja dikategorikan sebagai sanitari selebihnya adalah tapak buangan terbuka tanpa kemudahan rawatan air larut resap. Dengan kempen ini, kerajaan berharap dapat melupus dan menutup dengan selamat tapak pelupusan tidak sanitari yang sedia ada dan dengan itu jangka hayat sesebuah tapak itu dapat dipanjangkan.

Satu program Taklimat dan Kempen Kesedaran Bandar Biomass Serdang telah berlangsung di Auditorium Jurutera, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia pada 5 Januari 2012. Program ini adalah merupakan kerjasama di antara JPSPN, UPM, MAFF, MPSJ, MARDI dan Recycle One Inc. Japan. Pengisian program pada hari tersebut tertumpu pada penerangan ringkas mengenai Pengenalan Projek Bandar Biomass Serdang oleh Ketua Projek, Prof. Dr. Mohd Ali Hassan dan seterusnya sesi taklimat tentang Pengenalan Konsep Bandar Biomass di Jepun oleh wakil Kedutaan Jepun, En. Shun Ogawa serta wakil dari Recycle One Inc., En. Daisuke Tsujimoto. Taklimat yang disampaikan telah memberi peluang kepada semua yang hadir berkongsi pengetahuan juga pendedahan yang lebih terperinci mengenai projek yang sedang dilaksanakan.

Sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan untuk projek Kempen Kesedaran Bandar Biomass Serdang. Kempen Biomass bertujuan menjadikan sisa pepejal kepada sisa organik dapat digunakan terhadap tumbuhan di samping mengurangkan kadar pembuangan sisa berkenaan. Ia terbahagi kepada empat bahagian antaranya Biogas (tenaga elektrik), Biodiesel (bahan bakar), Biokompos (baja) dan Biochar. Walaupun tempoh yang

diambil agak singkat dalam meyakinkan orang ramai mengenai keberkesanan projek ini, tetapi dengan kempen berterusan, Serdang diyakini akan menjadi bandar Biomass jika orang ramai tahu pentingnya bahan buangan yang dikitar semula seterusnya dijadikan bahan organik.

Pada 16 Mac 2012, bertempat di Hotel Marriot Putrajaya, JPSPN telah mengadakan satu Bengkel mengenai Biomass Town Sri Serdang. Bengkel tersebut bertujuan memberikan penerangan serta meningkatkan lagi kefahaman mengenai perjalanan sebenar konsep Biomass Town serta perkembangan projek perintis Biomass Town Sri Serdang. Taklimat telah disampaikan oleh Dr. Igarashi Yasuo, Profesor dari University Of Tokyo dengan tajuk Biomass Town Utilization. Sesi taklimat seterusnya dengan tajuk Biomass Related Policy in Japan telah disampaikan oleh Ms Morizane Yuko, Deputy Director of Biomass policy Division, MAFF. Pada sesi yang sama, Profesor Dr. Mohd Ali bin Hassan dari Universiti Putra Malaysia turut menyampaikan taklimat mengenai Sri Serdang Biomass Town Plan. Bengkel separuh hari tersebut berakhir dengan rumusan dan ucapan oleh Ketua Pengarah JPSPN, YBhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya.



AKTIVITI MENANAM POKOK SEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA

Kempen Tanam Pokok ini telah bermula semenjak pelancarannya oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada Sambutan Hari Landskap Negara 1997. Manakala pada 5 Mac 1997, Mesyuarat Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk melaksanakan Kempen Tanam Pokok di seluruh negara. Jabatan Landskap Negara bertindak sebagai penyelarasan kepada pelaksanaan keseluruhan kempen di peringkat Negeri dan Persekutuan sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti dan program untuk menjayakan kempen tanam pokok.

Pada 3 Mac 2012 bertempat di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur, Jabatan Landskap Negara telah menjalankan satu aktiviti menanam pokok oleh Penjawat Awam JLN sempena Hari Landskap Negara yang di sambut sepanjang tahun di samping mengeratkan hubungan di kalangan penjawat awam JLN.

TTPR BERSAMA PEMBELI RUMAH

Bagi tujuan promosi mengenai fungsi dan bidang kuasa, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) telah mengadakan pameran dan pemfailan kes secara bergerak untuk kemudahan orang awam memfailkan tuntutan mereka di TTPR. Selain itu, TTPR juga telah menghadiri perjumpaan penduduk bagi memberikan taklimat dan penerangan kepada mereka mengenai hak-hak mereka sebagai pembeli rumah.

TTPR juga telah mengedarkan risalah di kawasan perumahan di mana milikan kosong lewat diserahkan dan kecacatan mutu kerja oleh pemaju. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bagi sepanjang suku tahun pertama 2012

PERKHIDMATAN PENDENGARAN KES TUNTUTAN DENGAN HANYA RM10

TTPR boleh mendengar sebarang kes tuntutan pembeli yang menuntut ganti rugi/ pampasan daripada pemaju perumahan dengan cara yang lebih mudah, murah dan cepat. Tuntutan hanya melibatkan projek-projek perumahan yang dijalankan di Semenanjung Malaysia sahaja, tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Terdapat dua (2) bentuk tuntutan yang boleh difailkan di TTPR iaitu ;

Tuntutan Teknikal

Tuntutan teknikal merangkumi kecacatan mutu kerja atau tidak mematuhi bahan atau spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Jual Beli (S&P). Tuntutan ini di buktikan antaranya secara Gambar, Quotation, Bil, Resit, Surat atau lain-lain dokumen yang boleh menyokong tuntutan atau membawa saksi-saksi yang berkenaan (jika berkaitan) dan tuntutan ini perlu dinilai dalam Ringgit Malaysia.

Tuntutan Bukan Teknikal

Tuntutan bukan teknikal merupakan tuntutan selain dari perkara diatas sebagai contoh ganti rugi bagi kelewatan pe-nyerahan milikan kosong (Late Delivery of Vacant Possession) oleh pemaju.

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Anjuran
1.	Pameran di Ekspo Hartanah Malaysia (MAPEX)	2 - 4 Januari 2012	Mid Valley Exhibition Centre, Kuala Lumpur	REHDA Malaysia cawangan Selangor dan cawangan Kuala Lumpur
2.	Membuka kaunter dan memberi Khidmat nasihat kepada para pengunjung di Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu (KABB)	25 Februari 2012	Kluang Mall	Biro Pengaduan Awam
3.	Pengedaran risalah TTPR dan taklimat kepada orang awam	21 - 22 Februari 2012	Taman Siera Perdana, Taman Indahpura, Taman Indahpura 2	TTPR
4.	Pemfailan kes	24 Januari 2012 7 Februari 2012	Taman Naga, Kedah Taman Machang Bubuk Bukit Mertajam Pulau Pinang	TTPR Zon Utara
5.	Pameran, taklimat dan pendaftaran kes secara bergerak	5 Februari 2012	Taman Tanjung, Jitra, Kedah,	TTPR Zon Utara
6.	Pengedaran risalah TTPR di Projek-projek perumahan yang dikenalpasti menghadapi kelewatan serahan rumah dan kecacatan mutu kerja oleh pemaju	Sepanjang Februari 2012	Sekitar Gombak, Wilayah Persekutuan Sekitar Negeri Johor	TTPR Zon Timur TTPR Zon Selatan
7.	Taklimat berkaitan bidang kuasa Tribunal dan hak-hak penuntut	11 Februari 2012	Batu Maung, Pulau Pinang	TTPR Zon Utara
8.	Ceramah dan pendaftaran kes secara bergerak	17 Mac 2012	Taman Bayu Indah, Pulau Indah, Klang	TTPR

Pembeli boleh mendaftarkan kes tuntutan dengan mengisi Borang 1 dalam 4 salinan serta melampirkan asas-asas tuntutan dengan bayaran fi RM10. Borang boleh didapati di Pejabat TTPR atau secara atas talian. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan,
Aras 3 & 4, No. 51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
No. Telefon : 03-8891 4758 / 4774 / 4746
No. Fax : 03-88913087
Emel : tribunal@kpkt.gov.my
SMS : 15888

Aktiviti



MALAM MEDIA BERSAMA PENGAMAL MEDIA DI KEDAH

KPKT telah menganjurkan Malam Media dan sambutan Tahun Baru Cina 2012 bersama dengan pengamal media di negeri Kedah pada 3 Februari 2012 bertempat di Hotel Holiday Villa, Alor Setar, Kedah. Majlis sambutan tersebut diadakan bagi menghargai pengamal media yang membantu memberikan publisiti dan membuat liputan program dan aktiviti Kementerian dan Jabatan serta Bahagian KPKT.

Majlis telah dimeriahkan dengan kehadiran YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB Dato' Paduka Haji Ahmad Bashah Md Hanapiah (Pengerusi UMNO Kedah), YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit (Ketua Setiausaha KPKT), YBhg. Datin Noriah Hashim (Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)), YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak (Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)) dan Ketua Pengarah Jabatan serta Setiausaha Bahagian dibawah KPKT.

Seramai 100 orang pengamal media daripada pelbagai agensi media antaranya Media Prima, NSTP, Utusan, Kosmo, Sinar Karangkraf, The Star, Guang Ming Daily, Sin Chew Daily, Oriental Daily, Kwong Wah Yit Poh, China Press dan Nanyang Siang Pau telah hadir ke majlis tersebut. Para jemputan diraikan dengan pelbagai aktiviti termasuklah pertandingan karaoke, cabutan bertuah, table games dan persembahan tarian kebudayaan.

Malam media ini merupakan salah satu acara tahunan KPKT bagi memastikan hubungan harmonis antara Kementerian dengan pihak media dijalinan secara berterusan dan positif disamping memberi peluang dan kesempatan kepada kedua-dua pihak untuk berinteraksi secara terbuka, dan bertukar-tukar fikiran.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2011 DAN PENGHARGAAN KEPADA PESARA



Pada 29 Mac 2012 telah berlangsung Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2011 bertempat di Dewan Kristal KPKT. Majlis tersebut diadakan bertujuan memberikan pengiktirafan kepada anggota perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan dalam masa yang sama memberikan penghargaan kepada mereka yang telah menyempurnakan karier sebagai penjawat awam. Seramai 170 orang penerima APC dan 12 orang para dan bakal pesara diraikan di dalam majlis tersebut. Majlis telah diserikan dengan kesudian YB Dato' Seri Chor Chee Heung untuk menyampaikan penghargaan berupa sijil dan cek kepada penerima APC dan para dan bakal pesara.

Di dalam ucapan YB Menteri, beliau berharap agar pengiktirafan yang diterima oleh para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang akan menjadi pemangkin kepada mereka untuk memberikan komitmen yang lebih baik kepada rakyat jelata. Hal ini adalah kerana masyarakat kini lebih moden dan maju, maka tuntutan dan ekspektasi terhadap hasil kerja perkhidmatan awam juga telah meningkat. Oleh yang demikian, adalah penting untuk setiap penjawat awam, terutama para penerima APC untuk mengubah dan menganjakkan minda ke

arah penyampaian perkhidmatan yang sempurna dan mempunyai kecacatan sifar atau zero. YB Menteri juga berpesan untuk berdepan dengan kehendak pelanggan dan stakeholders yang semakin meningkat dan mencabar pada masa kini, sektor awam memerlukan penjawat awam yang boleh "berfikir" atau "the thinking public service". Kepuasan pelanggan merupakan sesuatu yang perlu diutamakan selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Dalam hubungan ini, penjawat awam perlu berfikir di luar kotak pemikiran biasa (think out-of-the-box) bagi mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau kelemahan yang ada.

Matlamatnya adalah supaya pelanggan merasa seronok berurusan dengan kerajaan, berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, serta menyanjung tinggi sikap responsif dan keprihatinan yang kita amalkan.

Di kesempatan itu juga, YB Datuk Seri mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para dan bakal pesara atas segala usaha dan jasa yang telah diberikan kepada negara ini.

Aktiviti



Turut hadir di majlis tersebut ialah YB Datuk Seri Panglima Haji Lajim Haji Ukin (Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YBhg. Datuk Seri Ahmad Haji Kabit (Ketua Setiausaha KPKT), YBhg. Datuk Arpah Abdul Razak (Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)), YBhg. Datin Noriah Hashim (Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)), Ketua-ketua Pengarah Jabatan, Setiausaha Bahagian – Setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit dan pegawai-pegawai kanan.



MAJLIS PRA-TONTON ISTIMEWA KEMPAK Kitar SEMULA BERSAMA MAYA KARIN

Pada 12 Mac 2012, bertempat di Dewan Kristal, KPKT telah berlangsung Majlis Pra-Tonton Istimewa Kempak Kitar Semula Bersama Maya Karin. KPKT melalui inisiatif agensi di bawahnya iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dengan kerjasama PEMANDU telah berjaya menghasilkan iklan kempen kesedaran dalam usaha meningkatkan lagi keprihatinan masyarakat untuk mengurangkan penajaan sisa pepejal melalui amalan kitar semula.

Kempak tersebut akan berlangsung selama tiga bulan melalui media elektronik, iaitu televisyen dan juga radio, bermula pada 12 Mac 2012 sehingga 31 Mei 2012. Menariknya, terdapat lima episod iklan (Tactical-Internet eksklusif) yang merupakan kesinambungan kepada iklan tersebut yang boleh ditonton dengan melayari laman sesawang www.kpkt.gov.my atau www.jpvpn.gov.my.

Pada majlis tersebut, Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Chor Chee Heung telah menyampaikan ucapan perasmian serta menyuarakan harapan agar penglibatan selebriti terkenal Maya Karin mampu menarik perhatian masyarakat supaya lebih peka kepada isu alam sekitar dan sekaligus membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian. Taklimat ringkas turut disampaikan oleh Ybhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara mengenai iklan tersebut.



PENDUDUK TAMAN DESA TERIMA TONG SISA PEPEJAL MUDAH ALIH 120 LITER

Penduduk Taman Desa, Kuala Lumpur telah menerima agihan tong sisa mudah alih dengan kapasiti 120 liter dalam satu Majlis yang telah diadakan pada 13 Januari 2012. Penyerahan telah dilakukan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Pada majlis tersebut YB Menteri turut mencuba mengendalikan lori kompaktor baru yang dilihat lebih efisien dalam memastikan kualiti perkhidmatan sisa pepejal berada pada tahap yang tinggi. Penyediaan lori-lori kompaktor baru dan pemberian tong sisa oleh Syarikat Konsesi merupakan salah satu usaha bagi mempertingkatkan perkhidmatan kutipan sisa pepejal.

Sebanyak 3 juta unit tong sisa mudah alih akan dan telah diedarkan secara berperingkat kepada premis perumahan dan agihan ini dijangka dapat diselesaikan sebelum 1 September 2012 untuk Dewan/Majlis Bandaraya, 1 September 2013 bagi kawasan di Majlis Perbandaran dan 1 September 2014 untuk Majlis Daerah. Pengagihan ini akan dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang telah dilantik iaitu Alam Flora Sdn Bhd, Environment Idaman Sdn. Bhd dan SWM Environment Sdn Bhd. di negeri yang menerima pakai Akta pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

FAKTA & ANGKA

Sepanjang tahun 2011, syarikat konsesi Alam Flora Sdn. Bhd, SWM Sdn. Bhd. dan Environment Idaman Sdn. Bhd. telah mengedarkan sejumlah 46,523 buah tong sampah secara percuma di enam (6) buah negeri yang melibatkan 108 buah taman perumahan. Pengagihan tong diteruskan pada tahun 2012 dengan tambahan sebanyak 49,659 tong pada bulan Februari 2012. Pengagihan tong sampah secara percuma ini tertumpu kepada kawasan PBT yang akan menerima pelaksanaan KPI penuh iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan Majlis Perbandaran Kangar. Pengagihan tong sampah secara percuma ini dijangka akan selesai sepenuhnya pada tahun 2014.



50 BUAH SEKOLAH DI MELAKA SERTA KEMPEN KESEDARAN 3R

Perasmian MPMA-Scientex Foundation 3Rs Awareness Programme 2012 telah diadakan di Pantai Puteri, Melaka pada 24 Mac 2012. Program selama 2 bulan itu, akan berakhir pada 19 Mei 2012. Program tersebut merupakan usahasama Jabatan pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dengan Persatuan Pekilang Plastik Malaysia (MPMA) dan Scientex Foundation. Turut menyokong program tersebut adalah Kementerian Pelancongan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kerajaan Negeri Melaka, Majlis Bandaraya Bersejarah dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Kempen Kesedaran itu melibatkan para pelajar dari 50 buah sekolah sekitar negeri Melaka. Tujuan program adalah untuk menambahkan kesedaran serta kefahaman mengenai konsep kitar semula dengan pengisian aktiviti-aktiviti tertentu di antara pelajar sekolah.

Program yang dimulakan dengan aktiviti membersihkan pantai seawal jam 7.00 pagi itu telah dimeriahkan dengan kehadiran 500 orang hadirin. Ucapan perasmian telah disampaikan oleh Ybhg. Dato' Dr. Nadzri Yahaya, Ketua Pengarah JPSPN.



Program Bank Kitar Semula di Sekolah adalah merupakan salah satu usaha Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dalam meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan amalan kitar semula di kalangan para pelajar di Malaysia.

Program yang sedang giat dilaksanakan di sekolah-sekolah kawasan Wilayah Persekutuan ini merupakan langkah permulaan bagi Program Bank Kitar Semula tahun 2012. Selain daripada dapat meningkatkan kesedaran para pelajar terhadap kesedaran amalan kitar semula, pelaksanaan program ini juga dapat memupuk amalan menabung hasil daripada jualan barangan kitar semula di kalangan para pelajar.

Sebanyak 20 buah sekolah yang terdiri daripada 10 buah sekolah rendah dan 10 buah sekolah menengah sekitar Wilayah Persekutuan telah dipilih untuk menyertai program Bank Kitar Semula ini. Sesi penerangan daripada Perbadanan secara berperingkat kini sedang diadakan di seluruh sekolah yang terlibat dan ia dijangka selesai menjelang hujung bulan April 2012. Di antara sekolah-sekolah yang terlibat adalah seperti berikut :

Bil.	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
1.	S.K Cochrane Perkasa.	S.M.K Cheras,
2.	S.J.K (C) Tsun Jin,	S.M.K Aminuddin Baki,
3.	S.K Bukit Damansara,	S.M.K Bangsar,
4.	S.K Seri Hartamas,	S.M.K Seri Hartamas
5.	S.K Seri Murni,	S.M.K Taman Tun Dr. Ismail
6.	S.K Taman Bukit Maluri,	S.M.K Bandar Baru Sentul
7.	S.K Taman Koperasi Polis,	S.M.K Batu Muda,
8.	S.K Convent (1) Bukit Nanas (M)	S.M.K Zon R1 Wangsa Maju
9.	S.K Taman Setiawangsa,	S.M.K Seri Ampang,
10.	S.K Putrajaya Presint 8(2)	S.M.K Putrajaya Presint 8 (1)



PPSPPA DIDIK MASYARAKAT MENGITAR SEMULA

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) meneruskan lagi usaha mendidik masyarakat untuk mengitar semula dengan menyertai pameran sempena Program Ihsan Samudera Peringkat Kebangsaan pada 21 Januari 2012 bertempat di Kuantan, Pahang. Program yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd

Najib Tun Abdul Razak ini adalah anjuran Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan kerjasama Yayasan Felda.

Selain daripada penerangan mengenai 3R, Perbadanan juga telah mengadakan demonstrasi mengenai cara mengurangkan sisa pepejal di rumah melalui kaedah pengkomposan 'takakura, di samping menerangkan peranan Perbadanan kepada para pengunjung.

Selain daripada itu, kalendar dan nombor talian bebas tol aduansisa 1 800 88 7472 turut diedarkan kepada para pengunjung sebagai salah satu aktiviti promosi dan publisiti Perbadanan. Nombor talian tol bebas 1800 88 7472 diwujudkan Perbadanan untuk memastikan setiap aduan yang diterima, direkodkan dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh syarikat konsesi.

AKTIVITI BOMBA



BOMBA TERIMA AMPHIBIOS RIGID IMFLATABLE BOAT

Bertempat di Kampung Pulau Serai, Pekan, Pahang, satu Majlis Penyerahan Amphibios Rigid Imflatable Boat kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah diadakan pada 15 Januari 2012. YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM telah hadir bagi menerima sumbangan tersebut yang disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia sempena Majlis Perasmian Kedai Rakyat 1Malaysia. Bot tersebut disumbangkan oleh Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.(MTDC).

Dalam majlis tersebut, YAB Perdana Menteri Malaysia telah diberikan taklimat mengenai fungsi serta kecanggihan Amphibios Rigid Imflatable Boat oleh YAS Ketua Pengarah JBPM dan Pengarah Syarikat MTDC. Bot ini akan ditempatkan di Balai Bomba dan Penyelamat Pekan, Pahang.



MAJLIS PERBARISAN TAHUNAN 2012

Majlis Perbarisan Tahunan 2012, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah berlangsung pada 19 Januari 2012. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd. Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM.

Dalam perutusan YAS Ketua Pengarah, Dato' Wan Mohd. Nor Haji Ibrahim menyeru kepada seluruh warga bomba agar sentiasa bersedia sedia dari aspek kesiapsiagaan operasi, peralatan, latihan dan perancangan strategik bagi menghadapi sebarang bencana. Kerjasama daripada setiap lapisan masyarakat juga dituntut supaya sentiasa bersama-sama jabatan menerapkan budaya keselamatan kebakaran sama ada di pejabat, rumah, kompleks membeli belah dan dimana-

mana sahaja. Di samping itu, beliau juga telah memaklumkan projek pembangunan Jabatan yang akan dilaksanakan pada tahun 2012 iaitu pembinaan enam (6) buah balai baru termasuk tiga (3) buah Ibu Pejabat Bomba Negeri yang baru dan sebuah pusat Perancangan dan Penyelidikan di Bandar Enstek Negeri Sembilan. Jabatan juga dalam proses perolehan sebanyak 100 unit lagi jentera bomba yang baru dan akan di terima sebelum akhir tahun ini. Dengan adanya balai bomba dan jentera bomba yang baru ditambah, jabatan akan berupaya memberi perkhidmatan yang lebih unggul dan cemerlang.

Dalam majlis yang sama, YAS Dato' Wan Mohd. Nor Hajilbrahim turut melancarkan Manual



Keselamatan dan Kesihatan Pekerja JBPM. Manual ini akan menjadi rujukan kepada semua pegawai, semasa menjalankan tugas harian, sama ada di pejabat atau di lapangan. Seiring dengan usaha jabatan dalam menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai "A Great Organization" dan bertaraf antarabangsa, setiap lapisan pegawai perlu dididik supaya peka dengan kehendak-kehendak keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Bersempena majlis tersebut juga, YAS Ketua Pengarah JBPM telah menganugerahkan Pingat Ketua Pengarah Bomba (PKP) kepada YBhg. Encik Abu Bakar Johar, Sijil Penghargaan kepada lapan (8) orang pengamal Media, tiga (3) orang awam dan sembilan (9) Pasukan Bomba Sukarela kerana khidmat bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan.



447 PELATIH TAMAT LATIHAN PEGAWAI BOMBA GRED KB 17

Majlis Tamat Latihan Pegawai Bomba Gred KB 17 telah diadakan dengan jayanya pada 27 Februari 2012 di FRAM Wakaf Tapai, Terengganu. Kursus pada kali ini melibatkan seramai 447 pelatih lelaki dan perempuan. Majlis tamat latihan telah disempurnakan oleh YAS Dato' Mahadi Md Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Sepanjang tempoh kursus yang dilalui, pegawai-pegawai ini telah diberikan ilmu dan kemahiran kebombaannya meliputi aspek teori dan praktikal seperti berikut:

- Operasi Kebombaannya dan Penyelamatan
- Penyiasatan Kebakaran dan Undang-undang Kebombaannya
- Pencegahan dan Keselamatan Kebakaran
- Kejuruteraan Kebombaannya
- Mencari dan Menyelamatkan
- Kejuruteraan Kebombaannya
- Pengurusan Kebombaannya

Peserta Kursus telah melapor diri pada 5 September 2011 dan disepanjang menjalani

AKTIVITI BOMBA



latihan, peserta telah didedahkan dengan berbagai kaedah, teknik dan kemahiran kebombaannya bagi melengkapkan diri sebagai seorang pegawai bomba. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pelatih yang telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya. Penghargaan dan terima kasih juga kepada semua warga Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai kerana telah memberikan khidmat bakti yang terbaik demi melahirkan seorang pegawai bomba yang kompeten untuk melaksanakan tugas kepada masyarakat di Negara ini.

PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN DAN PENYAMPAIAN SIIL PERKHIDMATAN 30 TAHUN JBPM NEGERI PAHANG

Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan dan Penyampaian Sijil Perkhidmatan 30 Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang telah diadakan pada 13 Februari 2012 bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat Indera Mahkota, Kuantan. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

YAS Ketua Pengarah telah menganugerahkan Pingat Kebesaran Jabatan iaitu Pingat Jasa Bomba (PJB), Pingat Setia Bomba (PSB) dan Pingat Cemerlang Bomba (PCB) kepada enam

(6) orang pegawai bomba serta 4 orang Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela.

Bersempena majlis tersebut, KP JBPM juga telah menyampaikan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun kepada 90 orang pegawai bomba dan kakitangan JBPM Negeri Pahang yang telah berkhidmat didalam jabatan dan kerajaan lebih daripada 30 tahun. YAS Ketua Pengarah juga telah menyampaikan bantuan daripada Persatuan Kebajikan, JBPM kepada seorang waris pegawai bomba yang telah meninggal dunia serta dua (2) orang pegawai bomba yang kematian isteri.



Pada masa yang sama, YAS Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM telah merasmikan Pejabat Zon Kuantan dan Bangunan Makmal Penyiasatan Kebakaran JBPM Negeri Pahang.





PROGRAM BANDAR SELAMAT



6 LANGKAH SEGERA PROGRAM BANDAR SELAMAT

15 LANGKAH BANDAR SELAMAT



STRATEGI 1 Merangka Bentuk Persekitaran Fizikal



STRATEGI 2 Memperkatakan Kawasan Sirkasi



STRATEGI 3 Pengurusan, Penyertaan Komuniti dan Kesedaran Awam



1

Pencahayaannya



2

Cermin Keselamatan



3

Pengasingan Lajur Pejalan Kaki dari Lajur Bermotor



4

Kamera Litar Tertutup (CCTV)



5

Penggera Keselamatan



6

Pemetaan GIS Jenayah dan Program Bandar Selamat

Like us on



facebook.com/KPKTMalaysia

Follow us on



twitter.com/kpkt_gov

PERKHIDMATAN BERKUALITI, CEPAT & TELUS



MAKLUM BALAS

Sebarang maklum balas/aduan berkaitan KPKT dan Jabatan/Bahagian dibawahnya, sila layari <http://ehome.kpkt.gov.my/aduan-online> atau SMS ke 15888 atau emel ke pro@kpkt.gov.my